

Tarikh Dibaca: 07 November 2025M / 16 Jumadal Ula 1447H



KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“MENDEPANI CABARAN AJARAN SESAT
DAN KHURAFAT DI ZAMAN MODEN”***

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

"MENDEPANI CABARAN AJARAN SESAT DAN KHURAFAT DI ZAMAN MODEN"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: اتَّخَذُوا أَحْبَارَهُمْ وَرُهْبَانَهُمْ أَرْبَابًا مِّن دُونِ اللَّهِ
وَالْمَسِيحَ ابْنَ مَرْيَمَ وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا إِلَهًا وَاحِدًا لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ
سُبْحَانَهُ عَمَّا يُشْرِكُونَ.¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.²

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan
kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan
meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua

¹ Al-Taubah: 31.

² Ali-'Imran: 102.

diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat. Para jemaah diingatkan supaya jangan berbual-bual dan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.

Pada hari yang mulia ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk **"MENDEPANI CABARAN AJARAN SESAT DAN KHURAFAT DI ZAMAN MODEN"**. Semoga kita sama-sama mengambil iktibar dan berusaha memelihara akidah umat daripada penyelewengan.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Menurut Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), sejak tahun 1950 hingga 2023, sebanyak 154 ajaran telah difatwakan sesat di seluruh Malaysia. Ini suatu angka yang amat membimbangkan. Di Selangor sahaja mencatatkan sebanyak 45 ajaran sesat dan khurafat yang telah difatwakan menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Sebahagian daripadanya masih aktif bergerak secara tersembunyi di beberapa daerah seperti Gombak, Kuala Selangor dan Sabak Bernam.

Fakta ini dengan jelas menunjukkan bahawa ancaman penyelewengan akidah masih wujud dan belum berakhir. Atas sebab itu, pemantauan berterusan oleh pihak berkuasa agama amat penting. Namun, tanggungjawab menjaga kesucian akidah bukan hanya di bahu mereka semata-mata. Setiap daripada kita mesti peka, prihatin dan berani melaporkan sebarang kegiatan atau upacara yang mencurigakan.

Kemunculan pelbagai bentuk ajaran dan fahaman sesat bukanlah fenomena baharu dalam sejarah manusia. Ia telah berlaku sejak zaman berzaman datang silih berganti, menjelma dalam pelbagai rupa dan nama,

namun hakikatnya tetap sama, menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar.

Antara doktrin utama yang sering digunakan oleh golongan sesat ini ialah mendakwa diri sebagai tuhan atau wakil tuhan, mengaku sebagai Nabi, bahkan ada yang mengaku dirinya Imam al-Mahdi. Fenomena seperti ini sudah berlaku sejak umat-umat terdahulu yang menjadikan pendeta dan rahib mereka sebagai sembah selain Allah SWT sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Taubah ayat 31 yang bermaksud:

"Mereka menjadikan para pendeta dan ahli agama mereka sebagai tuhan selain Allah dan juga (mereka mempertuhankan) al-Masih bin Maryam padahal mereka hanya diperintahkan untuk menyembah Tuhan Yang Maha Esa, tidak ada tuhan (yang berhak disembah) selain Dia. Maha Suci Allah daripada segala yang telah disekutukan oleh mereka."

Sidang Jumaat yang dimulikan,

Sejarah Islam juga membuktikan bahawa penyelewengan akidah telah muncul pada zaman Rasulullah SAW dan para Sahabat *Radiallahuanhum*. Tiga tokoh yang mengaku sebagai Nabi pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat *Radiallahuanhum* ialah al-Aswad al-'Ansi, Musailimah al-Kazzab dan Tulaiha Ibn Khuwailid.

Pada zaman pemerintahan Saidina Abu Bakar al-Siddiq *Radiallahuanhu*, muncul pula tujuh individu lain yang turut mendakwa sebagai rasul seperti 'Uyainah bin Hisn, Qurrah bin Salamah al-Qusyairi, al-Fuja'ah bin 'Abd al-Yalil, Malik bin Nuwairah, Sajah binti Mundzir, al-Ash'ath bin Qais dan al-Hatam bin Zaid.

Maka tidak hairanlah jika pada zaman kita sekarang, fahaman dan ajaran menyeleweng kembali muncul dalam pelbagai rupa, lebih-lebih lagi di era kejahilan dan pengaruh duniawi yang semakin kuat.

Sebab itu, apabila timbul sesuatu perbuatan, percakapan atau upacara yang meragukan, jangan cepat terpengaruh. Rujuklah kepada pihak berkuasa agama khususnya Jabatan Mufti Negeri Selangor di samping meneliti fatwa-fatwa yang telah diwartakan. Jangan sampai kita menjadi penyebar kekeliruan tanpa sedar.

Firman Allah SWT dalam surah al-Anbiya' ayat 7:

فَسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ.

"Maka tanyalah olehmu kepada orang yang berilmu (Ahlu Zikr), jika kamu tidak mengetahui."

Sidang Hadirin yang dirahmati Allah SWT,

Ingatlah, agama ini bukan milik individu atau kumpulan tertentu, tetapi milik Allah SWT yang diturunkan dengan panduan yang lengkap. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Umar al-Khattab *Radiallahuanhu* bahawa Rasulullah SAW menegaskan pentingnya umat Islam untuk hidup berjemaah dan menjauhi perpecahan, Sabda baginda SAW:

عَلَيْكُمْ بِالْجَمَاعَةِ وَإِيَّاكُمْ وَالْفُرْقَةَ فَإِنَّ الشَّيْطَانَ مَعَ الْوَاحِدِ وَهُوَ مِنَ الْإِثْنَيْنِ أَبْعَدُ، مَنْ أَرَادَ بُحْبُوحَةَ الْجَنَّةِ فَلْيَلْزَمْ الْجَمَاعَةَ

"Hendaklah kamu hidup berjemaah dan jangan sesekali berpecah-belah. Sesungguhnya syaitan bersama orang yang menyendiri, dan apabila berdua maka syaitan semakin jauh. Sesiapa yang ingin berada di tengah-tengah syurga, maka hendaklah dia melazimi berjemaah."

(Riwayat al-Tirmizi).

Oleh itu tuan-tuan, hidup secara berjemaah ini merupakan satu keperluan. Bila umat bersatu di bawah akidah yang disepakati, ajaran sesat sukar bertapak. Tapi bila ada yang memilih jalan sendiri, menolak bimbingan ulama dan berjemaah, di situlah pintu perpecahan dan penyelewengan mula terbuka.

Sidang Muslimin yang berbahagia,

Sebahagian ajaran sesat tidak muncul secara terang-terangan. Ia sering bersembunyi di sebalik nama agama dan dakwah, namun mempunyai ciri yang mudah dikenali iaitu disampaikan secara rahsia, tertutup, dan hanya kepada kelompok tertentu sahaja.

Di sinilah bahayanya tuan-tuan. Mana-mana ajaran jika hanya tertumpu kepada kelompok tertentu, itu bukan ajaran Islam yang sebenar. Islam bukan agama rahsia dan sembunyi. Islam itu bersifat terbuka dan jelas untuk semua. Apa-apa ajaran yang bercanggah dengan keumuman

Islam, yang tidak melalui saluran ilmu dan bimbingan ulama, maka ia perlu ditinggalkan.

Jika kita renungkan, bagaimana di zaman moden ini, masih ada dalam kalangan kita yang percaya dan mensucikan individu tertentu sebagai Imam Mahdi, Nabi Isa, atau wali keramat yang maksum, kononnya terpelihara daripada dosa. Sedangkan yang maksum hanyalah para Nabi dan Rasul.

Di sinilah bermulanya bibit-bibit penyelewengan dan ia tidak berlaku secara tiba-tiba. Ia berkembang melalui pelbagai saluran, terutama media sosial yang menjadi medium penyebaran fahaman menyeleweng dan khurafat. Dalam ruang maya yang terbuka, apa sahaja boleh disebarkan tanpa tapisan, dan ramai yang mudah terpengaruh kerana jahil, cetek ilmu agama, dan cenderung mencari jalan pintas menuju syurga.

Akar kepada semua penyelewengan ini ialah sikap kita sendiri yang suka mengambil ilmu secara picisan, hanya berpandukan klip video pendek atau hantaran media sosial tanpa menuntut secara berguru dan tanpa merujuk kepada pihak berkuasa agama. Akibatnya, muncullah tafsiran yang sering kali bercanggah dengan prinsip-prinsip akidah tentang ketuhanan, kenabian dan perkara-perkara ghaib.

Sidang Jumaat yang dimuliakan,

Walaupun banyak peringatan telah diberikan, namun hakikatnya masih banyak ajaran sesat dan khurafat yang terus berleluasa dalam masyarakat kita hari ini. Keadaan ini menunjukkan bahawa usaha mengekang penyelewengan akidah perlu diperkasakan secara berterusan. Kita mesti sentiasa berwaspada, menilai setiap ajaran yang sampai kepada kita dan

mengambil panduan daripada fatwa-fatwa yang telah diwartakan oleh pihak berautoriti agama.

Antara unsur-unsur ajaran yang pernah difatwakan sesat ialah mendakwa dirinya mempunyai kuasa luar biasa dan boleh mengampunkan dosa. Mengaku mendapat wahyu dan boleh berhubung secara langsung dengan Allah SWT. Mendakwa era kenabian masih berterusan dan setiap bangsa mempunyai Nabi masing-masing. Dan yang lebih membimbangkan, ada yang mempercayai Nabi SAW sebagai tuhan, tidak beranak dan tidak diperanakkan. Ini semua kepercayaan kufur yang boleh mengeluarkan seseorang daripada Islam.

Kini, ajaran-ajaran seperti ini bergerak dalam keadaan sukar dikesan. Ia menyusup secara halus, menanam pengaruh sedikit demi sedikit sehingga akhirnya menjerat akidah pengikut tanpa disedari. Mereka tidak lagi menonjol seperti dahulu, tetapi bergerak melalui kelas tertutup, kumpulan kecil, dan perbincangan rahsia yang hanya dibuka kepada "ahli terpilih."

Sidang Muslimin yang dihormati,

Negeri Selangor amat menitik beratkan pemeliharaan akidah umat Islam. Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah menitahkan pada Mac 2025 agar pemantauan terhadap ajaran sesat dilaksanakan secara berterusan oleh agensi agama bagi memastikan ajaran yang telah dibanteras tidak dihidupkan semula.

Baginda turut menegaskan pentingnya pencegahan dari peringkat awal dalam kalangan umat Islam, supaya sebarang fahaman songsang tidak sempat berkembang dan merosakkan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Sebarang penyelewengan dalam hal akidah, pastinya membawa kepada kekeliruan dan perpecahan dalam kalangan masyarakat.

Titah ini menggambarkan keprihatinan baginda terhadap kesucian akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi asas pegangan umat Islam di negeri ini. Bagi mengekang penularan ajaran sesat dan khurafat yang mengancam akidah umat, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bersama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah memperkukuh langkah melalui Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995. Enakmen ini bukan sekadar undang-undang, tetapi satu benteng perundangan untuk melindungi kesucian Islam dan kesejahteraan akidah masyarakat.

Oleh yang demikian, jika kita sendiri ada melihat atau terdengar ajaran-ajaran yang aneh, upacara yang mencurigakan, atau sebarang penghinaan terhadap Islam, jangan diamkan saja. Laporkan segera kepada pihak berkuasa agama supaya tindakan boleh diambil.

Jangan biarkan ruang kejahilan menjadi pintu masuk kepada ajaran sesat dan khurafat. Kerana selagi ada ruang itu, selagi itulah mereka akan mencari tempat bertapak dalam kalangan kita.

Hadirin yang dikasihi Allah SWT,

Mengakhiri khutbah pada hari ini marilah kita mengambil pengajaran yang boleh dijadikan pedoman dalam kehidupan kita, iaitu:

1. Kita hendaklah memastikan kefahaman akidah berdasarkan pemahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah yang semestinya berpaksikan kepada al-Quran dan al-Sunnah, dengan merujuk kepada pihak berkuasa agama agar tidak terpengaruh dengan tafsiran yang menyeleweng.

2. Kita mestilah sentiasa berwaspada terhadap ajaran yang mencurigakan, serta melaporkan kepada pihak berkuasa agama bagi menyelamatkan generasi kita daripada pengaruh kesesatan.

3. Kita hendaklah menutup ruang kejahilan dalam diri dan keluarga dengan menghadiri majlis ilmu, membimbing anak-anak mengenal akidah yang benar, dan menjadikan masjid sebagai pusat pembelajaran serta perpaduan umat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ
الْخَسِرِينَ.

"Dan sesiapa yang mencari agama selain Islam, maka dia tidak akan diterima dan pada hari akhirat kelak dia termasuk dalam kalangan orang yang rugi."

(Surah Ali Imran :85).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ الشَّرِيعَةَ، هَدَى لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.³

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

³ Al-Ahzab: 56.



اَللّٰهُمَّ اَعِزَّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِيْنَ،
وَدَمِّرْ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ، وَاَجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ اَمِنًا مُّطْمَئِنًّا وَسَائِرَ
بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ وَفِّقْ اَئِمَّةَ الْمُسْلِمِيْنَ وَوُلاَةَ اُمُوْرِهِمْ وَجَمِيْعَ الْمُسْلِمِيْنَ لِمَا
فِيْهِ صَلاَحُ الْبِلَادِ وَالْعِبَادِ.

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنٰى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمٰى، اَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنَ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُوْر، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلاَحِ الدِّيْنِ عَبْدِ الْعَزِيْزِ شَاهِ
الْحَاجِ. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُوْر، تَغْكُوْ اَمِيْر شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِيْ اَمْنٍ وَصَلاَحٍ
وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ



عُمْرُهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلَغَ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kukuhkanlah akidah umat Islam berteraskan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat *Radiallahuanhum*. Jauhkanlah kami daripada segala bentuk rasuah dan salah guna kuasa, begitu juga kesesatan, syirik dan khurafat, serta lindungilah kami daripada fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

Ya Allah! Kurniakanlah keamanan dan kemakmuran kepada negara dan negeri kami. Peliharalah kami daripada segala bentuk bala bencana, fitnah dan musibah. Anugerahkanlah kepada kami para pemimpin yang berintegriti, tegas dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan syariat-Mu.

Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahatan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ
إِمَامًا.⁴

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.⁵

⁴ Al-Furqan: 74.

⁵ Al-Baqarah: 201.



عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ
وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.⁶
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.

⁶ Al-Nahl: 90.